

**Perbandingan Penggunaan Gaya Pengajaran Grasha-Riechmann
oleh Guru Berdasarkan Kaedah Pengajaran di dalam Bilik Darjah dan Secara dalam
Talian**

***Comparison of the Grasha-Riechmann Style Based on the Teacher's Classroom Teaching and
Online Teaching***

Nur Farhanim Abdul Jamal
nurfarhanim1998@gmail.com

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

Nur Farahkhanna Mohd Rusli
farahkhanna@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

Published: 30 December 2022

To cite this article (APA): Mohd Rusli, N. F., & Abdul Jamal, N. F. (2022). Perbandingan Penggunaan Gaya Pengajaran Grasha-Riechmann oleh Guru Berdasarkan Kaedah Pengajaran di dalam Bilik Darjah dan Secara dalam Talian: Comparison of the Grasha-Riechmann Style Based on the Teacher's Classroom Teaching and Online Teaching. *PENDETA*, 13(2), 41–54. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.2.4.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.2.4.2022>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan perbandingan penggunaan gaya pengajaran Grasha-Riechmann oleh guru berdasarkan kaedah pengajaran guru di dalam bilik darjah dan secara dalam talian. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam menganalisis data, dan kaedah kepustakaan serta temu bual dalam mengumpul data. Instrumen yang digunakan terdiri daripada borang maklum balas dan platform *Google Meet* untuk tujuan temu bual bersama responden. Responden kajian terdiri daripada tiga orang guru Sekolah Menengah Kebangsaan Sandakan, Sabah. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbandingan dalam pelaksanaan kaedah pengajaran guru di dalam bilik darjah dan secara dalam talian berdasarkan gaya pengajaran Grasha-Riechmann. Hasil kajian mendapati bahawa gaya fasilitator adalah gaya yang dominan digunakan responden ketika melaksanakan pengajaran di dalam bilik darjah, manakala gaya autoriti formal pula adalah gaya dominan digunakan responden ketika melaksanakan pengajaran secara dalam talian. Dari segi implikasi, kajian ini memberikan pendedahan kepada guru untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran bukan sahaja untuk memanfaatkan penggunaan kemahiran abad ke-21 malah dapat memotivasi semangat pelajar untuk terus mengikuti sesi pembelajaran dan meningkatkan prestasi akademik pelajar.

Kata kunci: Kaedah pengajaran; gaya pengajaran Grasha-Riechmann; guru; pengajaran di dalam bilik darjah; pengajaran secara dalam talian

ABSTRACT

The aim of this study is to explain the differences between the teaching methods in classroom teaching and online learning based on Grasha-Riechmann teaching style. This study uses qualitative methods in analyzing data, and library and interview methods in collecting data. The instrument used consists of a feedback form and the Google Meet platform for interviewing with respondents. Three teachers from Sekolah Menengah Kebangsaan Sandakan, Sabah, were selected as respondents. The results of the study show that there is a comparison in the

implementation of teachers' teaching methods in the classroom and online based on the Grasha-Riechmann teaching style. The results of the study found that the facilitator style is the dominant style used by respondents when teaching in the classroom, while the formal authority style is the dominant style used by respondents when teaching online. In terms of implications, this study provides exposure to teachers to diversify teaching methods not only to benefit from the use of 21st century skills but can also motivate students to continue following learning sessions and improve students' academic performance.

Keywords: Teaching methods; teaching style of Grasha-Riechmann; teachers; classroom teaching; online learning

PENGENALAN

Kaedah pengajaran merupakan salah satu elemen penting dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Pemilihan kaedah pengajaran yang bersesuaian memberikan banyak manfaat sama ada kepada pendidik bahkan kepada pelajar. Golongan pendidik misalnya dapat menjadi lebih kreatif dan mempunyai daya inovatif yang lebih tinggi, manakala pelajar pula lebih bermotivasi dan berminat menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran yang bukan sahaja kreatif, malah berbeza dengan kaedah konvensional atau kebergantungan terhadap buku teks semata-mata, sekali gus dapat membantu mereka mencapai objektif suatu pembelajaran. Bagi menghasilkan impak pembelajaran yang positif dalam kalangan pelajar, guru perlu bijak mengupayakan diri secara proaktif dengan memahirkan diri melalui pengaplikasian strategi pengajaran yang pelbagai (Mohammad Hafiz Ahmid, Mohd Khairuddin Abdullah dan Khalid Johari, 2018).

Apabila pandemik Covid-19 melanda dunia dan perintah kawalan pergerakan (PKP) diperkenalkan bagi mengehadkan aktiviti fizikal, proses pengajaran dan pembelajaran secara konvensional atau secara bersemuka di dalam bilik darjah telah berubah kepada pembelajaran secara maya atau berasaskan internet atau *electronic learning (e-learning)* (Wong Ai Bing dan Khairul Azhar Jamaludin, 2021). Situasi ini menyebabkan pembelajaran secara *Chalk and Talk* yang bersifat satu hala sebelum ini berubah sepenuhnya dan pembelajaran berasaskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) mula diguna pakai untuk menyampaikan PdP (Rozelia Haizah Abd Razak & Nur Farahkhanna Mohd Rusli, 2022).

Sebelum ini, kaedah pengajaran dan pembelajaran guru dapat dilakukan di dalam bilik darjah dan secara bersemuka. Guru dapat menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan lebih efektif. Misalnya, guru dapat menjalankan pelbagai aktiviti di dalam bilik darjah, menilai pencapaian akademik dan tingkah laku pelajar dengan memberikan latihan, kuiz, aktiviti kerja berkumpulan dan sebagainya secara bersemuka. Perkara ini secara tidak langsung memudahkan guru dan pelajar berinteraksi secara dua hala selain memudahkan penyampaian dan pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran. Sungguhpun sektor pendidikan ditutup secara fizikal, namun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha sebaik mungkin bagi membolehkan golongan pendidik dan pelajar terus berkomunikasi antara satu sama lain demi meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran, iaitu dengan mengetengahkan konsep pembelajaran secara dalam talian (PdPR) atau *Homebased Learning* (Nurul Hamimi Awang Japilan dan Jahidah Saily, 2021).

Dalam erti kata lain, golongan pendidik dan pelajar perlu beradaptasi dengan perubahan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berlaku pada masa kini bagi membolehkan proses penerimaan ilmu terus berlangsung dan mengelak keciciran dalam pembelajaran. Dalam konteks pengajaran secara bersemuka atau secara dalam talian, guru perlu merancang kaedah pengajaran yang berkesan supaya objektif pembelajaran dapat dicapai. Dalam hal ini, terdapat pelbagai gaya pengajaran yang boleh diterapkan oleh guru semasa PdP seperti gaya pengajaran pakar, gaya pengajaran autoriti formal, gaya pengajaran model personal, gaya pengajaran fasilitator dan gaya pengajaran delegator yang diusulkan oleh Grasha-Riechman.

Grasha (1996) menjelaskan gaya pengajaran pakar sebagai gaya pengajaran yang sentiasa menggalakkan pelajar untuk mencapai kecemerlangan selain mementingkan penyaluran maklumat secara maksimum. Gaya autoriti formal pula merujuk kepada gaya pengajaran yang lebih mengutamakan maklum balas daripada pelajar dan berfokuskan kepada garis panduan yang diberikan kepada para pelajar. Grasha (1996) mengetengahkan gaya pengajaran model personal atau model

personal sebagai gaya pengajaran dilakukan dengan menggunakan contoh-contoh personal seperti pengalaman guru sendiri sebagai pengajaran kepada pelajar. Selain itu, gaya pengajaran fasilitator adalah gaya pengajaran yang dirujuk sebagai suatu gaya yang menekankan interaksi antara guru dan pelajar. Gaya terakhir iaitu gaya delegator pula merupakan gaya pengajaran yang menekankan unsur pembelajaran secara kendiri atau belajar secara autonomi. Umumnya, semua gaya pengajaran tersebut boleh diterapkan sama ada dalam bentuk pengajaran secara bersemuka atau pengajaran secara dalam talian. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat penggunaan gaya tersebut dalam konteks pengajaran di dalam bilik darjah dan pengajaran secara dalam talian.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk menjelaskan objektif yang berikut:

- i. Menjelaskan perbandingan penggunaan gaya pengajaran Grasha-Reichmann oleh guru berdasarkan kaedah pengajaran di dalam bilik darjah dan secara dalam talian.

SOROTAN LITERATUR

Bhavani Somasundram dan Zamri Mahamod (2017) dalam kajian yang bertajuk “Keberkesanan Pembelajaran Koperatif terhadap Pencapaian dan Motivasi Murid Sekolah Menengah dalam Pembelajaran Bahasa Melayu” menyatakan bahawa pembelajaran koperatif yang dilaksanakan di dalam bilik darjah berupaya menarik minat murid secara aktif dalam pembelajaran selain dapat meningkatkan motivasi mereka untuk lebih fokus terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan guru di dalam kelas. Hasil kajian mereka turut mendapati bahawa guru yang menggunakan kaedah pengajaran koperatif di dalam bilik darjah berupaya menerapkan nilai-nilai murni yang ingin diketengahkan melalui aktiviti pembelajaran secara berkumpulan dalam kalangan murid-murid di dalam kelas. Jelas bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran secara koperatif yang dilaksanakan secara bersemuka di dalam bilik darjah mampu meningkatkan motivasi pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Seterusnya, kajian Abdull Sukor Shaari dan Azliza Din (2013) yang bertajuk “Pelaksanaan Aktiviti Komunikatif dalam Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah: Satu Kajian Kes” menyatakan bahawa aktiviti komunikatif memainkan peranan penting dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang efektif selain dapat menggalakkan penyertaan pelajar untuk terlibat aktif dalam sesi PdP. Tambahan, pengajaran berbentuk aktiviti komunikatif perlu mempunyai kriteria seperti hasrat untuk berkomunikasi, memiliki tujuan berkomunikasi, berfokus kepada kandungan dan bukan kepada struktur, kepelbagaiannya struktur bahasa, kurang campur tangan guru, mengurangkan kawalan terhadap bahan dan kandungan serta aktiviti cantuman benda terpisah. Malahan juga, hasil kajian kedua-duanya menunjukkan kaedah pengajaran sedemikian telah berupaya menggalakkan pelajar berkomunikasi antara satu sama lain apabila aktiviti bercerita, sesi soal jawab dan perbincangan yang dilaksanakan guru dalam bilik darjah. Jelas bahawa pengajaran secara bersemuka di dalam bilik darjah memberikan banyak manfaat apabila guru dan pelajar boleh berkomunikasi dan bergiat secara aktif melalui aktiviti-aktiviti fizikal yang dilaksanakan.

Kajian oleh Noor Lela Ahmad, Sho Sin Looi, Hariyaty Ab Wahid dan Rohaila Yusof (2019) yang bertajuk "Kepentingan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran abad ke-21 terhadap Pembangunan Pelajar" mendapati bahawa amalan pengajaran abad ke-21 secara bersemuka memberikan banyak impak positif kerana kemahiran-kemahiran seperti penyelesaian masalah, kemahiran komunikasi dan kemahiran praktikal dapat diterapkan di dalam bilik darjah. Umumnya, kepelbagaiannya kaedah pengajaran di sekolah terutama yang melibatkan pengajaran secara bersemuka memberikan banyak manfaat terhadap guru dan murid. Pemilihan pendekatan pengajaran seperti kemahiran abad ke-21, pendekatan berpusatkan pelajar, penggunaan klip video, kemahiran bermain dalam pengajaran serta tahap kompetensi guru merupakan kaedah pengajaran yang sesuai diaplikasikan dalam suasana pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Kaedah ini secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar. Golongan pendidik juga dapat menimba pelbagai

kaedah pengajaran mengikut kesesuaian kecerdasan minda pelajar melalui kaedah pemerhatian atau kaedah pentaksiran yang dilaksanakan di dalam bilik darjah.

Bagi Tamilmullai Thannimalai dan Salini Baloh (2021) dalam kajian bertajuk “Cabaran PdPR Bahasa Tamil di Sekolah Luar Bandar”, amalan norma baharu dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dalam kalangan guru memerlukan untuk mereka bersedia mendepani pelbagai cabaran serta mempersiapkan diri dari aspek ilmu, kompetensi, keupayan serta kemahiran dalam meneruskan kaedah PdP secara dalam talian. Keupayaan guru mempersiapkan diri dalam mendepani pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian akan membawa kepada pemilihan kaedah pengajaran yang bersesuaian seperti penggunaan aplikasi *Google Classroom*, *Google Meet*, *Telegram* dan *WhatsApp* (Siti Balqis Mahlan dan Muniroh Hamat, 2020). Norma baharu ini jelas menunjukkan perubahan kaedah pengajaran secara holistik, iaitu daripada kaedah bersemuka yang dilaksanakan di dalam bilik darjah kepada kaedah pembelajaran secara dalam talian atau secara maya.

Marni Izzati Kamaruddin (2020) dalam kajiannya yang bertajuk "Perbezaan Tahap Pengetahuan, Penggunaan dan Penerimaan Guru Bahasa Melayu berdasarkan Faktor Umur dan Pengalaman Mengajar ketika Mengaplikasikan Persekutaran Pembelajaran Maya" menyatakan bahawa guru berumur 25 hingga 35 tahun mempunyai tahap pengetahuan, penggunaan dan penerimaan yang tinggi dalam mengaplikasikan persekitaran pembelajaran maya. Keadaan ini berbeza dengan guru yang lebih senior. Walaupun guru-guru memiliki pengalaman mengajar yang lebih lama berbanding guru-guru berumur dalam lingkungan umur 25 hingga 35 tahun, namun hasil kajiannya mendapati bahawa ia tidak dapat menjamin guru yang lebih senior mempraktikkan pembelajaran secara maya. Hal ini berlaku disebabkan pengetahuan yang tidak meluas terhadap ICT selain lebih suka mengajar secara konvensional. Keterikatan terhadap kaedah pengajaran gaya konvensional akan memberikan kesan buruk sama ada kepada guru bahkan kepada pelajar. Guru-guru akan terus ketinggalan dalam menguasai kemahiran ICT, manakala pelajar akan keciciran dalam ilmu pengetahuan selain tidak dapat melahirkan generasi yang lebih kreatif dan berinovatif.

Mohd Rohiman Subri, Rohizani Yaakub dan Azlinda Boheran Nudin (2021) dalam kajiannya yang bertajuk “Pelaksanaan Pengajaran Guru Cemerlang dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu ketika Pandemik Covid-19: Satu Kajian Kes” pula berpendapat guru cemerlang berupaya mengamalkan kaedah pengajaran berdasarkan projek dan pengajaran berdasarkan masalah. Mereka melengkapkan diri dengan menguasai teknologi maklumat untuk mencapai objektif pembelajaran seperti penggunaan telefon bimbit, komputer, aplikasi-aplikasi seperti *Google Classroom*, *WhatsApp*, *Telegram* dan sebagainya. Tambahnya, guru menggunakan kaedah pembelajaran berdasarkan masalah dan pembelajaran projek ini selari dengan DSKPMBM atau dikenali juga sebagai pendekatan modular dan didik hibur. Jelas bahawa pengajaran secara dalam talian jika dimanfaatkan dengan sebaik mungkin dengan mengaplikasikan kaedah pengajaran yang bersesuaian bukan sahaja dapat mencapai objektif pembelajaran, malah dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk terus menimba pengetahuan sekaligus dapat meningkatkan prestasi akademik pelajar itu sendiri.

Berdasarkan perbincangan hasil daripada kajian lepas ini, golongan pendidik menggunakan pelbagai kaedah pengajaran untuk disesuaikan dengan perubahan kaedah pengajaran semasa, iaitu daripada pembelajaran secara bersemuka kepada pengajaran secara dalam talian. Pelbagai gaya dan pendekatan pengajaran digunakan untuk membolehkan keberlangsungan penyampaian ilmu pengetahuan selain mengelak isu keciciran pengetahuan dalam kalangan pelajar. Oleh yang demikian, kajian ini akan dilaksanakan untuk menjelaskan secara terperinci perbandingan gaya pengajaran guru sama ada secara bersemuka atau secara dalam talian dari konteks gaya pengajaran Grasha-Riechmann (1996) pula.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan suatu kajian yang berbentuk kajian kes dengan menggunakan kaedah kualitatif dalam menganalisis data. Kaedah kualitatif dilakukan secara deskriptif, iaitu bertujuan menjelaskan perbandingan penggunaan gaya pengajaran Grasha-Reichmann oleh guru berdasarkan kaedah pengajaran di dalam bilik darjah dan secara dalam talian. Kaedah kepustakaan dan kaedah temu bual telah digunakan untuk mengumpul data. Kaedah kepustakaan dilakukan dengan merujuk sumber bertulis seperti buku akademik, jurnal, artikel, disertasi dan sebagainya yang berkaitan dengan skop

kajian bertujuan untuk membantu pembinaan pernyataan masalah, objektif serta memberikan justifikasi terhadap dapatan kajian.

Kaedah temu bual pula dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden bagi menjawab objektif kajian. Bagi kajian ini, tiga orang responden yang terdiri daripada guru telah dipilih untuk mendapatkan data. Ketiga-tiga responden merupakan guru yang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Sandakan, Sabah. Bagi kaedah temu bual yang dilaksanakan, soalan temu bual secara berstruktur telah dibina, iaitu pengkaji mempunyai sasaran soalan dan jawapan yang diperlukan. Soalan temu bual dibina berdasarkan objektif yang telah dinyatakan, iaitu untuk menjelaskan perbandingan penggunaan gaya pengajaran Grasha-Reichmann guru berdasarkan kaedah pengajaran di dalam bilik darjah dan secara dalam talian. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Kamarul Azmi Jasmi (2012) bahawa antara langkah yang perlu diambil untuk melaksanakan temu bual berstruktur adalah mengenal pasti objektif kajian bagi mendapatkan maklum balas yang sewajarnya daripada responden.

Soalan temu bual terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian A berkaitan demografi responden, dan bahagian B yang merupakan senarai sepuluh soalan yang dirangka mengikut kesesuaian dengan objektif kajian. Kaedah temu bual dijalankan menggunakan medium *Google Meet*. Sesi temu bual yang dijalankan telah direkodkan bertujuan memudahkan pengkaji merujuk kembali maklumat-maklumat yang diberikan responden. Maklumat yang diperoleh daripada responden kemudiannya akan ditranskripsi bagi mengenal pasti data yang berkaitan dengan objektif kajian dan akan dihuraikan secara analisis deskriptif dengan menggunakan kaedah kualitatif seperti yang dinyatakan sebelum ini.

ANALISIS DAN PERBANDINGAN

Perbincangan dalam bab ini akan menghuraikan perbandingan penggunaan gaya pengajaran Grasha-Riechmann yang dilaksanakan di dalam bilik darjah dan secara dalam talian oleh guru. Terdapat lima gaya pengajaran Grasha-Riechmann yang akan dijelaskan dalam bab ini, iaitu (i) gaya pakar, (ii) gaya autoriti formal, (iii) gaya model personal, (iv) gaya fasilitator dan (v) gaya delegator.

1.1 Gaya Pakar

Menurut Grasha-Riechmann (1996), gaya pakar adalah gaya pengajaran yang mementingkan penyaluran maklumat dilakukan secara maksimum dan sentiasa menggalakkan murid mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik. Guru yang menggunakan gaya pakar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran adalah guru yang memiliki tahap pengetahuan yang tinggi serta berupaya menyampaikan maklumat secara maksimum kepada pelajarnya. Tambah Grasha (1996), guru dengan gaya pengajaran pakar mengekalkan status sebagai pakar dengan memaparkan pengetahuan yang tepat dan komprehensif. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, didapati bahawa responden ada menggunakan gaya pakar dengan menggunakan kaedah pengajaran masteri di dalam bilik darjah. Kaedah masteri adalah kaedah pembelajaran yang berpusatkan guru. Dalam hal ini, responden faham bahawa mereka bertanggungjawab menyampaikan sesi pengajaran secara maksimum berdasarkan topik pengajaran yang dilaksanakan di dalam bilik darjah. Berikut merupakan maklum balas responden (R) berkaitan penggunaan kaedah masteri ketika melaksanakan sesi PdP di dalam bilik darjah:

R1	<p><i>...macam saya BM... jadi kita perlu pastikan murid menguasai terlebih dahulu semua kemahiran yang diperlukan. Contohnya macam kemahiran mendengar, bertutur tu kan...sama menulis...jadi aaa... saya guna kaedah pembelajaran masterilah untuk pastikan pelajar kuasai semua kemahiran.</i></p> <p>Terjemahan dalam Bahasa Melayu formal: Saya sebagai guru bahasa Melayu, saya perlu memastikan murid-murid menguasai terlebih dahulu semua kemahiran contohnya kemahiran mendengar, bertutur dan menulis. Oleh itu, kaedah pembelajaran masteri adalah kaedah yang saya gunakan untuk pastikan murid kuasai semua kemahiran.</p>
R3	<p><i>...seperti yang saya cakap tadilah... di awal tu...untuk pastikan murid kuasai satu-satu topik tu, kaedah</i></p>

	<p>masteri tu adalah kaedah yang berkesan saya guna....contoh dalam tatabahasa...aaa... kita perlu pastikan murid kenal apa itu frasa nama apa itu frasa kerjadalam ayat...Jadi bagi saya, penting untuk murid itu kuasai dulu topik dengan baik sebelum guna kaedah pengajaran lain.</p> <p>Terjemahan dalam Bahasa Melayu formal:</p> <p>Seperti yang saya jelaskan di awal tadi, dalam memastikan murid menguasai suatu topik pembelajaran, kaedah pengajaran yang berkesan saya gunakan adalah menerusi kaeadaah masteri. Misalnya dalam aspek tatabahasa, saya perlu pastikan murid-murid mengetahui perbezaan antara frasa nama dan frasa kerjadalam ayat. Penting untuk saya memastikan murid-murid menguasai terlebih dahulu topik dengan baik sebelum guna kaedah pengajaran lain.</p>
--	--

Jadual 1 Maklum balas responden terhadap penggunaan kaedah masteri di dalam bilik darjah

Jadual 1 menunjukkan pengalaman responden dalam melaksanakan kaedah masteri di dalam bilik darjah. Menurut R1, kaedah masteri digunakan untuk memastikan murid-murid menguasai kemahiran mendengar, bertutur dan menulis dengan baik. Manakala R3 pula berpendapat kaedah masteri adalah kaedah yang berkesan digunakan untuk memastikan murid-murid menguasai terlebih dahulu topik pembelajaran terutamanya dalam aspek tatabahasa. Perkara ini menunjukkan bahawa kaedah masteri memberikan kesan yang positif terhadap pengajaran yang disampaikan oleh responden di dalam bilik darjah. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Subadrah Madhawa Nair dan Sakunthala Devi Gopal (2014) yang menyatakan bahawa pembelajaran masteri berupaya memberikan kesan positif terhadap pencapaian murid, meningkatkan pemahaman dan membentuk tingkah laku positif murid terhadap pembelajaran. Berdasarkan pengalaman mengajar selama lebih daripada 10 tahun, R1 dan R3 telah menunjukkan keupayaan menggunakan gaya pakar menerusi kaedah masteri semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Bagi Sim Sze Hui dan Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore (2020), gaya pakar adalah gaya yang berpusatkan guru. Oleh sebab responden merupakan guru yang telah lama mengajar, maka hasil kajian mendapati bahawa responden tiada masalah menerapkan kaedah pengajaran secara konvensional, iaitu guru memainkan peranan aktif dalam PdP dengan memberikan pengajaran kepada pelajar.

Sungguhpun demikian, hasil temu bual juga mendapati bahawa gaya pengajaran pakar tidak dapat diterapkan oleh responden dalam pengajaran secara dalam talian. Hal ini disebabkan kerana responden sukar menilai dan mengesan tahap penguasaan murid-murid terhadap topik pengajaran yang disampaikan melalui pengajaran secara dalam talian. Berikut merupakan maklum balas responden berkaitan masalah penggunaan gaya pengajaran pakar melalui sesi PdP yang dilaksanakan secara dalam talian:

R1	<p><i>Emm...okay...ini hehehe (ketawa kecil) mula-mula tu agak sukar jugalah tetapi lama kelamaan saya mula biasa dengan situasi PdPR... cuma tu la kena tengok kesesuaian murid juga... kalau murid tu ada internet yang stabil, peranti yang lengkap tidak jadi masalah tapi ada murid yang tidak ada line internet lepas tu ...peranti pula berkongsi dengan ibu bapa... jadi itu jadi kekangan jugalah untuk saya pilih kaedah yang sesuai.</i></p> <p>Terjemahan dalam Bahasa Melayu formal:</p> <p>Baiklah, bagi saya, di awal permulaan itu agak sukar tetapi lama-kelamaan saya mula terbiasa dengan situasi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Namun, saya terpaksa menyesuaikan kaedah pengajaran dengan penerimaan murid. Segelintir murid memiliki kestabilan internet yang baik serta memiliki kelengkapan peranti yang mencukupi tetapi ada sesetengah murid yang ada masalah internet dan berkongsi peranti dengan ibu bapa. Oleh itu, saya mengalami kekangan untuk memilih kaedah pengajaran yang lebih sesuai untuk digunakan.</p>
----	--

R2	<p><i>Alhamdulillah, tidak sukar bagi saya...cuma ada pelajar pernah tidak hadir dalam kelas PdPR sampai hari ini...tidak pernah muncul walau sekali...jadi penglibatan murid di situ nampak sedikit negatif...emmm kekangan dari segi latar belakang murid juga jadi isu yang tidak dapat dielakkan...tetapi saya tidak ada pilihan lain selain meneruskan sesi PdPR ini.</i></p> <p>Terjemahan dalam Bahasa Melayu formal:</p> <p>Alhamdulilah, tidak sukar bagi saya. Namun terdapat pelajar yang tidak pernah melibatkan diri dalam kelas PdPR sampai ke hari ini. Pelajar tersebut tidak pernah muncul atau melibatkan diri sejak PdPR bermula. Perkara ini menunjukkan kesan yang negatif terhadap penglibatan murid di dalam pengajaran secara dalam talian. Terdapat juga isu yang melibatkan tentang latar belakang murid yang tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, saya tidak memiliki pilihan yang lain selain meneruskan sesi PdPR ini.</p>
----	---

Jadual 2 Maklum balas responden terhadap penggunaan gaya pengajaran pakar melalui kelas secara dalam talian

Berdasarkan jadual 2, dua daripada tiga responden mengatakan terdapat kesukaran yang dialami semasa melaksanakan pengajaran secara dalam talian. Menurut responden, isu latar belakang murid dan penglibatan murid semasa sesi pengajaran secara dalam talian telah memberikan kekangan kepada responden dalam memilih kaedah pengajaran yang sesuai dan berkesan. Menurut Norehan Mohd Nasir dan Mahaliza Mansor (2021) antara cabaran yang dihadapi guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah adalah cabaran daripada pihak pentadbir, guru, murid dan ibu bapa. Tambahnya, guru perlu bersedia memperbaiki diri dan menyesuaikan diri dengan menerapkan pendekatan pengajaran mengikut situasi pengajaran secara dalam alam maya. Sungguhpun demikian, hasil kajian menunjukkan tidak semua gaya pengajaran sesuai dilaksanakan dalam semua konteks pengajaran misalnya gaya pengajaran pakar yang sukar diaplikasi secara dalam talian akibat kekangan daripada masalah seperti capaian internet dan ketidakhadiran pelajar yang menyebabkan aktiviti PdP tidak dapat dijalankan secara efektif.

1.2 Gaya Autoriti Formal

Gaya pengajaran autoriti formal atau gaya formal merupakan gaya pengajaran guru yang berbentuk standard, tepat dan diterima pelajar. Gaya formal dilaksanakan guru mengikut matlamat pengajaran yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah dan peraturan tingkah laku pelajar (Nora'ini Abdul Rahman dan Nor Aishah Buang, 2019). Tambah Grasha (1996), guru dengan gaya pengajaran autoriti formal menganggap golongan pendidik menyumbang kepada proses pengajaran dan pembelajaran dengan pemberian maklum balas kepada pelajar. Berdasarkan sesi temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa responden tidak menggunakan gaya pengajaran formal dalam proses PdP di dalam bilik darjah. Hal ini berikutan dengan penutupan sekolah yang menyebabkan proses PdP tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka memandangkan kajian ini dilaksanakan semasa penularan wabak Covid-19 melanda.

Malahan juga, kajian yang dilakukan oleh Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Juliawati Ibrahim (2009) menjelaskan bahawa gaya pengajaran autoriti formal kurang menjadi pilihan dalam kalangan guru terutama guru bahasa. Tambahnya, gaya pengajaran jenis ini berfokus kepada tahap dan garis panduan yang mengikut piawaian. Noriah Mohd. Ishak et al. (1999) menyatakan bahawa guru yang mengamalkan gaya pengajaran ini selalu dikongkong oleh peraturan dan perundungan yang menekan kreativiti. Gaya pengajaran autoriti formal ini membataskan pemikiran kritis dan kreatif dalam kalangan guru. Apabila guru tidak kreatif dalam pengajaran, pelajar akan bosan dan kurang minat terhadap ilmu yang disampaikan dan keadaan ini jika berterusan akan membantutkan prestasi akademik pelajar itu sendiri (Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Juliawati Ibrahim, 2009).

Namun, berbeza dengan kaedah pengajaran secara dalam talian, hasil kajian menunjukkan ketiga-tiga responden dilihat menggunakan gaya autoriti formal ketika sesi PdP dilaksanakan menggunakan platform *Google Meet* atau *Telegram*. Berikut merupakan maklum balas responden berkaitan penggunaan gaya pengajaran formal dalam sesi PdP yang dilaksanakan secara dalam talian:

R1	<p>Kita ada peluang gunakan aaa...medium internet dan group Telegram dalam kelas itu kan ...aaa kita masukkan aaa... macam lagu, cara-cara baca syair, cara-cara baca sajak kan...jadi...saya juga pelbagaikan sumber bahan PdP mcm tadi video buat sendiri... saya juga mencuba untuk membuat bahan pembentangan guna Powerpoint kah dalam bentuk slide ataupun ini aaa... saya suka gunakan Canva. Sebab Canva mudah kita buat bahan... sebab dia ada gambar-gambar ataupun dia punya paparan lebih menarik dalam online.</p> <p>Terjemahan dalam Bahasa Melayu formal:</p> <p>Melalui medium internet dan platform kumpulan <i>Telegram</i>, kita berpeluang untuk berkongsi kepelbagaian sumber bahan seperti lagu-lagu, langkah membaca syair dan sajak. Saya juga mempelbagaikan sumber bahan pengajaran dan pembelajaran seperti penghasilan video, buat bahan pembentangan daripada <i>Powerpoint</i>. Saya lebih suka untuk menggunakan aplikasi <i>Canva</i> kerana terdapat gambar dan paparan yang menarik untuk digunakan dalam pengajaran secara dalam talian.</p>
R2	<p>Aaa...ada juga kebaikan mengajar secara dalam talian ini dia lebih kreatif ...lebih menarik sebab dia lebih kepada audio kan... audio-visual...aaa... kita pun boleh bagi bahan-bahan yang lebih menarik perhatian pelajar. Kita boleh bagi banyak animasi-animasi kan... jadi bagi pelajar yang masuk tu seronoklah kan.</p> <p>Terjemahan dalam Bahasa Melayu formal:</p> <p>Sebenarnya, terdapat kebaikan mengajar secara dalam talian. Pengajaran secara dalam talian ini boleh menjadi kreatif dan menarik sebab dia lebih kepada audio-visual. Kita juga boleh berkongsi bahan-bahan yang menarik perhatian pelajar. Kita boleh juga selitkan animasi-animasi dalam pengajaran jadi bagi pelajar yang masuk kelas secara dalam talian itu akan rasa seronok.</p>

Jadual 3 Maklum balas responden terhadap penggunaan gaya pengajaran formal

Berdasarkan jadual 3, responden didapati mempelbagaikan bahan bantu mengajar semasa melaksanakan pengajaran secara dalam talian misalnya R1 menghasilkan video pengajaran, slaid pembentangan menggunakan *Powerpoint* dan *Canva*. R2 pula menggunakan bahan pengajaran yang berunsurkan animasi untuk menarik minat pelajar. Kepelbagaian sumber bahan pengajaran ini digunakan responden ketika melakukan pengajaran secara *Google Meet* dan ketika melakukan perkongsian bahan pengajaran di *Telegram*. Seperti yang dijelaskan oleh Sim Sze Hui dan Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore (2020), gaya formal merupakan salah satu gaya pengajaran yang berpusatkan guru. Oleh sebab itu, hasil kajian menunjukkan para guru berusaha menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) dengan sebaik mungkin supaya hasil pembelajaran dapat dicapai. Tambahan pula, pengajaran secara dalam talian membolehkan guru mengaplikasikan pelbagai jenis aplikasi ICT yang boleh dijadikan sebagai BBM kerana ia mudah dilaksanakan dan diperoleh daripada internet. Dengan kepelbagaian sumber bahan yang digunakan responden ini, maka pelajar dapat mengikuti sesi pembelajaran dengan lebih seronok dan bermotivasi. Menurut Mohd Rohiman Subri, Rohizani Yaakub dan Azlinda Boheran Nudin (2021) pengajaran secara dalam talian dapat dimanfaatkan jika ilmu teknologi dapat dikuasai dengan baik. Penggunaan kaedah pengajaran menerusi *Google Meet* atau *Telegram* serta penerapan kepelbagaian sumber bahan pengajaran ternyata dapat memberikan kesan yang positif walaupun sesi PdP dijalankan secara dalam talian. Menurut responden, pelajar juga dapat memahami topik pengajaran dengan lebih mudah dan lebih bersemangat untuk mengikuti kelas secara dalam talian.

1.3 Gaya Model Personal

Menurut Nora'ini Abdul Rahman dan Nor Aishah Buang (2019), gaya model personal adalah gaya pengajaran guru yang menggunakan contoh-contoh daripada dirinya sendiri dan digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Ertinya, gaya pengajaran ini merujuk kepada guru yang mengajar berasaskan kepada teladan dirinya sendiri (Grasha, 1996). Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Juliawati Ibrahim (2009) berpendapat gaya pengajaran jenis ini merupakan gaya pengajaran yang kerap digunakan golongan pendidik kerana mereka percaya bahawa pengajaran haruslah dilakukan dengan menggunakan contoh-contoh peribadi yang akan dapat membentuk satu model cara

bertingkah laku dan berfikir dengan mencontohi pendekatan yang ditunjukkan oleh guru. Berdasarkan temu bual, guru menerapkan kaedah kontekstual dalam gaya pengajaran model personal ini seperti yang dinyatakan dalam transkripsi berikut:

R1	<p><i>Biasanya saya tengok keadaan...tengok kelas lah kan...aaa...kita guna pendekatan kita kaitkan pembelajaran tu dengan pengalaman harian murid...aaa apa kita panggil tu...pembelajaran kontekstual kan...kita kaitkan isi pengajaran kita pada hari itu dengan pengalaman aaa...yang murid laluilah.</i></p> <p>Terjemahan dalam Bahasa Melayu formal: Biasanya saya akan melihat situasi kelas tersebut, saya akan menggunakan pendekatan yang berkaitan dengan pengalaman murid atau dikenali sebagai kaedah kontekstual. Saya akan kaitkan isi pengajaran pada hari itu dengan pengalaman yang murid pernah lalui.</p>
R2	<p><i>Kadang kala ada juga guna kaedah kontekstual...dimana kita aaa...pelajar itu aaa...kita...aaa apa ni...aaa kaedah kontekstual itu kita ajar topik yang memiliki pengalaman murid itu sendiri... macam ajar karangan tentang cerita pengalaman pulang ke kampong halaman... jadi bila ada pengalaman sendiri...murid boleh buat.</i></p> <p>Terjemahan dalam Bahasa Melayu formal: Kadang kala saya juga menggunakan kaedah kontekstual di dalam bilik darjah. Pelajar akan didedahkan dengan kaedah kontekstual yang melibatkan pengalaman murid itu sendiri. Sebagai contoh, saya mengajar karangan yang bertajuk ‘ceritakan pengalaman anda pulang ke kampung halaman.’ Apabila murid memiliki pengalaman tersebut maka murid-murid dapat menerima gambaran awal tentang topik penulisan tersebut.</p>

Jadual 4 Maklum balas responden terhadap penggunaan gaya model personal

Berdasarkan jadual 4, responden ada menerapkan gaya pengajaran jenis model personal dalam PdP. Ketika menggunakan gaya pengajaran tersebut, guru didapati menggunakan kaedah pengajaran kontekstual seperti yang dinyatakan oleh R1 dan R2 bahawa mereka mengaitkan topik pengajaran dengan menggunakan pengalaman sendiri kepada pelajarnya. Bagi Syamsul Bahri (2020), suatu proses pembelajaran akan menjadi lebih bermakna jika pelajar mengalami apa yang dipelajarinya berbanding daripada mengetahuinya. Tambahnya, guru menerapkan kaedah ini supaya pelajar dapat mengaitkan topik pembelajaran dengan situasi dunia nyata termasuklah pengalaman dan teladan yang diketengahkan oleh guru tersebut. Proses ini akan mendorong mereka membuat hubung kait antara pengetahuan yang dimiliki dengan menerapkannya dalam kehidupan mereka sebagai anggota keluarga atau masyarakat.

Selain itu, hasil temu bual juga menunjukkan responden lebih cenderung mengaplikasikan gaya pembelajaran ini ketika pelaksanaan PdP di bilik darjah berbanding ketika PdP secara dalam talian. Menurut Sim Sze Hui dan Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore (2020), gaya pembelajaran model personal ini merupakan antara gaya pengajaran yang berpusatkan guru dan guru mengajar berdasarkan teladan dirinya sendiri. Keadaan ini lebih mudah diaplikasikan dalam pengajaran secara bersempua jika dibandingkan dengan pembelajaran secara dalam talian kerana pengajaran secara bersempua membolehkan guru dan pelajar berinteraksi secara langsung antara satu sama lain. Interaksi fizikal ini membolehkan pelajar melihat sendiri suri teladan yang dipamerkan oleh guru misalnya dari segi pemakaian, pertuturan, bahasa badan dan sebagainya jika dibandingkan dengan pengajaran secara dalam talian yang mengehadkan interaksi dua hala antara guru dan pelajar.

1.4 Gaya Fasilitator

Gaya pengajaran fasilitator dirujuk sebagai gaya pengajaran yang menekankan interaksi guru dengan pelajar. Guru fasilitator hanya memberi panduan, membimbing dan memberikan arahan kepada murid untuk menyelesaikan sendiri tugas yang diarahkan. Grasha (1996) menjelaskan dalam gaya pengajaran fasilitator, guru guru bertindak sebagai fasilitator ketika menyampaikan PdP. Guru dengan gaya ini lebihselesa

Perbandingan Penggunaan Gaya Pengajaran Grasha-Riechmann oleh Guru Berdasarkan Kaedah Pengajaran di dalam Bilik Darjah dan Secara dalam Talian

mengajar menggunakan kaedah projek dengan memberikan bimbingan dan sokongan (Nora'ini Abdul Rahman dan Nor Aishah Buang, 2019). Analisis daptan mendapati bahawa responden menggunakan gaya fasilitator menerusi pengalaman kaedah pengajaran koperatif, kolaboratif serta kaedah sumbang saran ketika sesi PdP di dalam bilik darjah seperti yang dinyatakan dalam transkripsi berikut:

R1	<p><i>Arr...satu lagi biasa saya guna kaedah ...aaa... pendekatan secara berkumpulan ataupun koperatif kan... aa... secara berkumpulan... jadi ini senanglah kalau kita bagi satu isu dengan pelajar satu kita boleh galakan dorang berkomunikasi secara apa ni... aaa... secara lisan la kan...komunikasi dengan baik dengan kawan-kawan dan juga bagi idea sendiri. Jadi saya sering gunakanlah pendekatan berkumpulan terutamanya kalau dalam penulisan karangan sebab ada isu yang boleh dibincangkan bersama.</i></p> <p>Terjemahan dalam Bahasa Melayu formal: Saya juga menggunakan pendekatan secara berkumpulan atau lebihdikenali sebagai kaedah koperatif. Menerusi kaedah koperatif saya mudah untuk mengetengahkan satu isu kepada pelajar. Kaedah koperatif ini turut menggalakan pelajar untuk berkomunikasi bersama rakan-rakan dan menyumbangkan idea dalam aktiviti kumpulan. Selalunya saya sering menggunakan pendekatan berkumpulan di dalam bilik darjah terutamanya dalam topik penulisan karangan kerana ada isu yang dapat dibincangkan bersama murid.</p>
R2	<p><i>Kalau dulu pengajarannya berpusatkan guru, pelajar hanya menerima saja kan, tapi sekarang ni aaa... kita lebih disarankan menjalankan kaedah berpusatkan pelajar. Kemudian ada juga digunakan kaedah sumbang saran...kemudian kaedah pelajaran kolaboratif dimana emm... apani... aaa... pelajar tu saling membantu lah, seperti berkumpulan...saling memberi idea dalam menyelesaikan persoalan atau pun latihan yang kita berikan di dalam kelas... bukan sahaja guru yang mengeluarkan input tetapi pelajar itu yang mengeluarkan idea dorang.</i></p> <p>Terjemahan dalam Bahasa Melayu formal: Jika dahulu sesi pengajaran dan pembelajaran adalah berpusatkan guru tetapi sekarang kita lebih disarankan menjalankan kaedah berpusatkanpelajar. Kaedah sumbang saran dan kaedah kolaboratif adalah kaedah yang saya gunakan di dalam bilik darjah. Berdasarkan kaedah kolaboratif, saya melihat pelajar salingbekerjasama dalam kumpulan serta saling menyumbangkan idea untuk menyelesaikan soalan atau latihan yang diberikan di dalam kelas. Malah, pelajar itu sendiri dapat mengeluarkan idea tanpa bimbingan daripada guru.</p>
R3	<p><i>Selalunya saya akan tengok kemampuan pelajar itu sendiri, sama ada pelajar itu jikadia aaa... mudah faham kita akan buatkan...aaa...kita akan gunakan kaedah sumbang saran. kita akan nampak dalam kaedah sumbang saran pelajar akan memberikan respon, memberikan idea...kita kembangkan lagi ideanya...gabungan antara pelajar dengan pelajar itu memberikan effect yang bagus... sebab dalam err...sumbang saran ni tidak digalakan mengkritik idea lain sedangkan dalam sumbang sendiri tu pun kita kena kembangkan idea, kita boleh ambil idea pelajar lain...kita kembangkan idea itu berfokus kepada apa topik kita bincangkan pada hari itu.</i></p> <p>Terjemahan dalam Bahasa Melayu formal: Selalunya saya akan tengok kemampuan pelajar itu sendiri. Sekiranya ada pelajar yang mudah faham, kita akan menggunakan kaedah sumbang saran. Menerusi kaedah sumbang saran saya nampak pelajar aktif mengeluarkan ideadan maklum balas daripada pelajar juga adalah positif. Gabungan antara pelajar dengan pelajar ini memebrikan kesan yang baik di dalam bilik darjah. Menerusi kaedah sumbang sarang, kita tidak digalakan untuk mengkritik idea murid, tetapi kitboleh mengembangkan idea murid dengan berfokuskan tentang topik yang dibincangkan pada hari tersebut.</p>

Jadual 5 Maklum balas responden terhadap penggunaan gaya fasilitator

Berdasarkan jadual 5, responden menerapkan kaedah pengajaran seperti koperatif, kaedah kolaboratif dan sumbang saran ketika menggunakan gaya pembelajaran jenis gaya fasilitator. Ketiga-tiga kaedah tersebut merupakan kaedah pengajaran yang berpusatkan murid apabila pelajar menjalankan aktiviti khususnya secara berkumpulan, bertukar idea dan pendapat antara satu sama lain dan bersama-sama bekerja sebagai satu pasukan, manakala guru bertindak sebagai pembimbing yang akan membimbing murid menyelesaikan aktiviti masing-masing. Dalam erti kata lain, pelajar tidak mengharapkan jawapan daripada guru semata-mata sebaliknya pelajar berusaha menyelesaikan aktiviti dengan bantuan guru yang minimum. Bagi R1, kaedah pengajaran secara berkumpulan seperti kaedah koperatif dapat menggalakkan pelajar berkomunikasi dengan baik serta pelajar dapat memberikan idea dalam isu yang dibincangkan secara berkumpulan. R2 juga turut mengatakan bahawa penggunaan kaedah pengajaran seperti kaedah kolaboratif dapat menggalakkan murid bekerjasama dalam aktiviti berkumpulan dan dapat menyumbangkan ideauntuk menyelesaikan tugas yang diberikan. Jadual 5 turut menunjukkan kaedah sumbang saran yang digunakan R3 dapat menggalakkan pelajar menyumbangkan idea dan bergiat aktif di dalam bilik darjah. Menurut R3, guru hanya membimbing pelajar tanpa melakukan sebarang kritikan.

Hasil temu bual ini jelas menunjukkan responden ada mengaplikasikan pembelajaran abad ke-21 ketika menggunakan kaedah pengajaran secara bersemuka. Seperti yang dijelaskan oleh Syed Lamsah Syed Chear dan Melor Yunus (2019), guru yang menjalankan aktiviti berkumpulan seperti kaedah koperatif dan kaedah kolaboratif di dalam bilik darjah dianggap berjaya mengamalkan pembelajaran abad ke-21. Malah, Raja Abdullah Raja Ismail dan Daud Ismail (2018) turut menyatakan bahawa aplikasi pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru dapat dinilai berdasarkan konsep 4C yang diamalkan guru tersebut iaitu kreativiti, pemikiran kritis, kolaborasi dan komunikasi. Konsep ini dapat ditemukan dalam kaedah pengajaran responden apabila responden mengamalkan pembelajaran abad ke-21 menerusi komunikasi antara pelajar, perbincangan idea bersama pelajar selain pelajar yang dapat menyelesaikan tugas bersama rakan-rakan dalam aktiviti berkumpulan.

Sungguhpun demikian, hasil temu bual menunjukkan gaya pengajaran fasilitator ini tidak diterapkan dalam pengajaran secara dalam talian. Menurut responden, aktiviti berkumpulan sukar dilaksanakan secara dalam talian kerana menuntut pergerakan dan tingkah laku murid secara fizikal. Responden turut mengatakan aktiviti berkumpulan tidak berkesan untuk dilaksanakan secara dalam talian kerana aktiviti perbincangan secara fizikal amat terhad selain tidak dapat dilaksanakan secara efektif. Selain itu, responden juga sukar melaksanakan bimbingan melalui pengajaran secara dalam talian. Hal ini dipengaruhi oleh banyak faktor seperti ruang perbincangan antara guru dan pelajar adalah terhad, kehadiran pelajar yang kurang memuaskan dalam kelas selain maklum balas daripada pelajar yang minimum apabila tidak semua pelajar dapat memberikan komitmen sepenuhnya apabila kelas secara dalam talian dilaksanakan. Keadaan bertambah buruk apabila guru atau pelajar berhadapan dengan masalah internet, ketiadaan peranti yang sesuai untuk mengikuti kelas dalam talian dan sebagainya. Oleh sebab itu, responden menerapkan gaya pengajaran fasilitator ini menerusi kaedah pengajaran di dalam bilik darjah sahaja berbanding PdP secara dalam talian.

1.5 Gaya Delegator

Gaya delegator adalah gaya pengajaran yang memberikan fokus terhadap pembelajaran pelajar secara autonomi. Menurut Nora'ini Abdul Rahman dan Nor Aishah Buang (2019), gaya delegator bertujuan untuk menggalakkan pelajar melaksanakan aktiviti secara sendirian. Bagi Grasha (1996), guru dengan gaya pengajaran delegator merupakan guru yang menekankan perkembangan kemampuan kapasiti kendiri pelajar melalui aktiviti pembelajaran kendiri. Berikut merupakan maklum balas responden bagi pengamalan gaya pengajaran delegator ini:

R1	<p>Saya juga gunakan kaedah apa itu...akses sendiri... pelajar dia boleh...aaa... dia cari sendiri maklumat...maklumat tentang topik yang dipelajari. Tetapi ini bergantung juga kepada latar belakang murid kan... dan kelas tersebut.</p> <p>Terjemahan dalam Bahasa Melayu formal:</p> <p>Saya juga menggunakan kaedah akses sendiri ketika melaksanakan pengajaran secara dalam talian. Berdasarkan kaedah akses sendiri, pelajar dapat mencari sendiri maklumat tentang topik yang dipelajari. Namun, kaedah ini bergantung juga kepada latar belakang murid dan kelas tersebut.</p>
----	---

Jadual 6 Maklum balas responden terhadap penggunaan gaya delegator

Berdasarkan jadual 6, data menunjukkan gaya delegator digunakan oleh guru ketika pengajaran berlangsung secara dalam talian. Hal ini sejajar dengan maksud delegator itu sendiri yang berfokuskan pembelajaran pelajar secara autonomi atau pembelajaran secara kendiri. Menurut R1, kaedah akses kendiri diaplikasikan apabila sesi PdP dilaksanakan secara dalam talian kerana pelajar mempunyai akses kepada internet yang kemudiannya membolehkan mereka mencari maklumat berkaitan topik pembelajaran yang ada di dalam internet. Namun, R1 berpendapat kaedah ini hanya dapat dijalankan jika pelajar mempunyai akses internet yang baik. Jika akses internet bermasalah, maka kesesuaian gaya delegator akan diteliti semula dalam sesi PdP tertentu. Tambah R1, kaedah akses sendiri sukar diaplikasikan dalam kalangan pelajar yang memiliki masalah capaian internet yang tidak stabil serta ketiadaan peranti yang bersesuaian untuk PdP secara dalam talian. Hal ini disokong oleh Nor Amah Abdullah dan Muhammad Syawal Amran (2021) yang menyatakan bahawa talian internet yang lemah dan masalah alat telekomunikasi berupaya membantu proses pembelajaran terutamanya bagi pelajar yang tinggal dalam kawasan pedalaman. Berdasarkan temu bual, guru turut menerapkan gaya delegator menerusi kaedah akses kendiri. Walaupun terdapat kekangan yang dihadapi oleh responden, tetapi penggunaan kaedah akses sendiri memberikan kesan yang positif terhadap pelaksanaannya kepada pelajar, iaitu pelajar dapat berdikari dalam mencari maklumat selain tidak mengharapkan bantuan guru semata-mata. Guru juga dapat memberikan murid pengalaman pembelajaran melalui akses sendiri dan perkara ini secara tidak langsung mengalakkan murid untuk menggunakan sumber teknologi secara maksimum.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, terdapat perbandingan pengalaman yang cukup ketara dalam kaedah pengajaran yang digunakan responden di dalam bilik darjah dan secara dalam talian berdasarkan gaya pengajaran Grasha-Riechmann. Menerusi pengalaman melaksanakan kaedah pengajaran di dalam bilik darjah, pengkaji mendapati gaya pakar, gaya model peribadi dan gaya fasilitator adalah gaya pengajaran yang diterapkan oleh responden dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Manakala gaya autoriti formal dan gaya delegator pula adalah gaya yang digunakan responden menerusi pengajaran secara dalam talian. Umumnya, tidak semua gaya pengajaran Grasha-Riechmann dapat diaplikasikan dalam semua proses PdP kerana ia bergantung kepada konteks pengajaran itu sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat gaya pengajaran yang sesuai dipraktikkan ketika pengajaran secara bersemuka dan sebaliknya, serta ada gaya pengajaran yang sesuai dipraktikkan ketika sesi pengajaran secara dalam talian dan sebaliknya. Namun, semua gaya pengajaran Grasha-Riechmann ini boleh diterapkan dalam sesi PdP bagi mempelbagaikan kaedah mengajar guru selain memberikan motivasi kepada pelajar untuk terus bersemangat menimba ilmu. Dari segi implikasi, kaedah pengajaran yang pelbagai dapat melahirkan pendidik yang kreatif dan berinovatif. Jelas bahawa mengajar dalam dua situasi berbeza memberikan pengalaman yang baharu dan berbeza dalam kalangan responden terutama dalam memilih kaedah yang sesuai dan berkesan semasa sesi pengajaran secara bersemuka, atau pengajaran secara dalam talian. Tambahan juga, dari segi implikasi, kajian ini dapat memberikan input bahawa golongan pendidik perlu mempelbagaikan gaya pengajaran sama ada di dalam kelas maupun secara dalam talian kerana ia dapat memberikan manfaat bukan sahaja kepada mereka, malah kepada pelajar mereka sendiri.

RUJUKAN

- Abdull Sukor Shaari & Azliza Din. (2013). Pelaksanaan aktiviti komunikatif dalam pengajaran bahasa Melayu sekolah rendah: Satu kajian kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu: Malay Language Education (MyLEJ)*, 3(2), 64-78.
- Bhavani Somasundram & Zamri Mahamod. (2017). Keberkesanan pembelajaran koperatif terhadap pencapaian dan motivasi murid sekolah menengah dalam pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu: Malay Language Education (MyLEJ)*, 7(1), 11-23.
- Grasha, A. F. (1996). *Teaching with style: A practical guide to enhancing leaning by understanding teaching and learning style*. Pittsburgh: Alliance Publishers.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatitif*. Dalam: Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, 28-29 Mac 2012, Puteri Resort Melaka. (Tidak diterbitkan).
- Marni Izzati Kamaruddin. (2020) Perbezaan tahap pengetahuan, penggunaan, dan penerimaan guru bahasa Melayu berdasarkan faktor umur dan pengalaman mengajar ketika mengaplikasikan persekitaran pembelajaran maya. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu: Malay Language Education (MyLEJ)*, 10(2), 15-28.
- Mohammad Hafiz Ahmid, Mohd Khairuddin Abdullah & Khalid Johari. (2018). Pengajaran guru dan kepercayaan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 3, Issue 3, 136-147.
- Mohd Rohiman Subri, Rohizani Yaakub & Azlinda Boheran Nudin. (2021). Pelaksanaan pengajaran guru cemerlang dalam mata pelajaran bahasa Melayu ketika Pandemik Covid-19: Satu kajian kes. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature, Jil.12 Edisi Khas*, 21-32.
- Noor Lela Ahmad, Sho Sin Looi, Hariyaty Ab Wahid & Rohaila Yusof. (2019). Kepentingan amalan pengajaran dan pembelajaran abad 21 terhadap pembangunan pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(2), 28-51
- Nor Amah Abdullah & Muhammad Syawal Amran. (2021). Perspektif guru terhadap penglibatan murid di dalam pengajaran dan pembelajaran secara atas talian semasa Pandemik Covid-19 di Malaysia. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISF)*, 1(4), 32-39.
- Norehan Mohd. Nasir & Mahaliza Mansor (2021). Cabaran guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR): Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7) 416-421.
- Noriah Mohd. Ishak et al. (1999). Gaya Pertautan, gaya pengajaran dan komitmen terhadap profession perguruan dalam kalangan guru pelatih UKM. *Laporan Akhir Projek G/ 4/99*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Nurul Hamimi Awang Japilan & Jahidah Saily. (2021). COVID-19: Transformasi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) amali solat, tilawah al-Quran dan hafazan al-Quran menggunakan inovasi. *Prosiding Seminar Penyelidikan dan Inovasi Pendidikan (SPIP2021) Peringkat Kebangsaan 24-26 Mac 2021*. 351-363.
- Nora'ini Abdul Rahman & Nor Aishah Buang. (2019). Hubungan gaya pengajaran guru dengan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (31), 248-259.
- Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail. (2018). Aplikasi ‘Konsep 4C’ pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih Pengajian Agama Institusi Pendidikan Guru Kampus Dato’ Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ)*, 1, 45-65.
- Rozelia Haizah Abd Razak & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. (2022). Pembelajaran secara dalam talian: Tahap kesediaan dan keberkesanan pelaksanaannya kepada pelajar. *LSP International Journal*, (9)1, 31-43.
- Siti Balqis Mahlan & Muniroh Hamat. (2020). Pengajaran dan pembelajaran dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan. Dicapai daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689322/covid-19-pendidikan-menerusi-dunia-maya-cabarun-baharu-buat-guru> (6 Januari 2021).
- Sim Sze Hui & Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore. (2020). Faktor-faktor yang mempengaruhi gaya pengajaran Grasha-Reichmann dalam kalangan guru: Sorotan literatur bersistematis. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 54-70.
- Subadrah Madhwaa Nair & Sakunthala Devi Gopal. (2014). Kesan penggunaan kaedah pembelajaran masteri terhadap pencapaian dan minat pelajar dalam mata Pelajaran Am. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 29, 55-80.
- Syamsul Bahri. (2020). Upaya meningkatkan hasil belajar siswa melalui pendekatan kontekstual mata pelajaran Pendidikan Agama Islam materi ajar pernikahan dalam Islam Kelas XII Multi Media 3 di SMKN 6 Kota Jambi. *Jurnal Education of Batanghari*, 2(11), 28-37.
- Syed Lamsah Syed Chear & Melor Yunus. (2019). Strategi penerapan kemahiran abad ke-21 dalam latihan guru Prasekolah. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 8(1), 1-10.

Perbandingan Penggunaan Gaya Pengajaran Grasha-Riechmann oleh Guru Berdasarkan Kaedah Pengajaran di dalam Bilik Darjah dan Secara dalam Talian

- Tamilmullai Thannimalai & Salini Baloh. (2021). Cabaran PdPR Bahasa Tamil di Sekolah Luar Bandar. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(2), 183-190.
- Wong Ai Bing & Khairul Azhar Jamaludin. (2021). Pembelajaran dalam talian (e-pembelajaran) semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(3), 408-414.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Juliawati Ibrahim. (2009). Perbandingan gaya pengajaran guru bahasa Melayu dan guru bahasa Inggeris. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 67-92.